

**PERPUSTAKAAN  
FAKULTI ALAM BINA**



FAB30000010073

iii

**KAJIAN PEMATUHAN UNDANG-UNDANG KESELAMATAN DAN  
KESIHATAN PEKERJA ASING DI TAPAK BINA**

**JUMHAR FEBRIKO**

**Laporan ini di kemukakan sebagai  
memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan  
Ijazah sarjana muda ukur bahan**

**Fakulti Alam Bina  
University Teknologi Malaysia**

**2009/2010**

## ABSTRAK

Kajian ini adalah mengenai pematuhan undang-undang keselamatan dan kesihatan pekerja asing di tapak bina. Semenjak isu keselamatan dan kesihatan di industri pembinaan meningkat, banyak kajian yang telah di lakukan. Kejadian kemalangan di sektor pembinaan mengakibatkan kehilangan tenaga kerja termasuk dari Indonesia. Kemalangan ini berlaku kerana kurangnya kedisiplinan, dan juga pengabaian terhadap aspek-aspek keselamatan. Objektif pertama dalam kajian ini adalah mengenal pasti pematuhan undang-undang yang telah di tetapkan dalam pengambilan pekerja asing oleh majikan. Penulis mendapati masih ada majikan yang tidak mematuhi peraturan sepenuhnya mengenai prosedur pengambilan pekerja asing sebagaimana yang telah di tetapkan oleh pihak Kerajaan Malaysia. Objektif kedua pula ialah mengenal pasti pematuhan undang-undang terhadap pekerja asing oleh majikan mengenai keselamatan dan kesihatan di tapak bina berdasarkan kepada Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (Akta 520) dan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994. Untuk dapat mewujudkan sebuah keselamatan dan kesihatan di tapak bina maka majikan bertanggung jawab penuh dalam memberikan pengarahan dan juga pengawasan kepada pekerja. Sebagaimana yang telah di tetapkan dalam Akta 520 seluruh pekerja binaan di Malaysia termasuk pekerja asing harus mendapatkan akreditasi mengenai kemahirannya. Mempekerjakan pekerja mahir merupakan salah satu langkah yang dapat di tempuh untuk mewujudkan keselamatan dan kesihatan di tapak bina. Kesimpulannya adalah majikan sudah mengikuti mengenai prosedur pengambilan pekerja asing. Di keranakan masa pembinaan yang singkat membuat mereka mengambil pekerja asing yang memang sudah ada dan di bekalkan oleh agen. Untuk pematuhan keselamatan dan kesihatan pekerja asing di tapak bina majikan telaj mengikuti perundangan tersebut dengan melantik seorang pegawai keselamatan pada projek binaan yang bertugas mengawasi serta memberikan arahan kepada pekerja mengenai keselamatan dan juga kesihatan di tapak pembinaan.

## **ABSTRACT**

This research is about safety and health for foreign workers in the construction project. Since the safety and health issue in construction Industry is increasing so many researches has been done. The accident in construction project has caused death to foreign workers, including Indonesian workers. That thing can happen because less discipline from the workers and also unrespecting to safety and health regulation in site project. The first objective from this research is to identify the regulation obeying to catch up for foreign worker by employer. The research was found out that employers were followed the regulation. The second objective is to identify regulation obeying for safety and health on construction project based on Act 520 Construction Industry Development Board of Malaysia and Act 514 Occupational Safety and Health 1994. Safety and health in construction project coming true if the employers have any responsibility and also can control and manage the project well. Based on Act 520 Construction Industry Development Board of Malaysia, all workers have to register to get skill accreditation. As a conclusion, the employers have followed the procedure of employing foreign workers. Because of the limited time construction, the employer employs its workers from agent who supplies them. In order to comply with safety and health issues, the employers have followed the regulation by appointing a safety officer on the site. The safety officer is in charge to ensure and give orders to foreign workers upon the safety and health measures on site.